



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 24 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan jangkitan virus Influenza A(H1N1) MASIH aktif di dalam komuniti di mana laporan kejadian kluster masih terus diterima. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat tumpuan orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Masyarakat boleh membantu dengan melaporkan segera kejadian kluster ILI ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran. Masyarakat juga digesa agar terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang terbukti berkesan sebelum ini seperti berikut:-

1. Mereka yang mempunyai gejala *influenza like-illness* (ILI) seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta untuk memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain.
2. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
3. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.
4. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.

6. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu segera mendapatkan pemeriksaan perubatan serta rawatan di klinik yang berdekatan.

Bagi mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko disarankan agar mendapatkan pelalian H1N1 di klinik-klinik kerajaan terpilih seperti yang diwar-warkan sebelum ini. Namun begitu, oleh kerana bilangan vaksin yang terhad, prinsip “**siapa dulu dia dapat**” digunakan. Sehingga 21 Mei 2010, sejumlah 287,574 orang telah diberi pelalian H1N1 yang terdiri daripada 89,839 petugas barisan hadapan KKM, 73,774 petugas barisan hadapan bukan KKM dan 123,961 orang awam yang berisiko tinggi. Sementara itu, masih terdapat kira-kira 87,000 dos baki vaksin H1N1 sahaja lagi di seluruh negara untuk diberikan. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 24 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah tiga (3) laporan kejadian kluster ILI daripada tiga (3) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 23 Mei 2010, hanya satu (1) kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,663. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 519 kes. Daripada jumlah tersebut, 61 kes (11.8%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah lapan (8) kes dengan kesemuanya mempunyai faktor risiko. Tiada laporan kematian diterima menjadikan jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini kekal 86 orang.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 24 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness (ILI)* Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 24 Mei 2010

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Asrama Kasih Yayasan Basmi Kemiskinan, Serendah, Selangor.	163	3	Masih menunggu keputusan	Tiga (3) diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
2.	Keluarga di Alor Pongsu, Kerian, Perak.	5	2	2 sampel positif H1N1	Dua (2) kes dimasukkan ke hospital dan diberi rawatan antiviral.
3.	SJK(C) Gua Musang, Kelantan.	589	7	1 sampel positif H1N1	Seorang dimasukkan ke hospital dan diberi rawatan antiviral manakala enam (6) lagi diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar dan diisolasi di rumah masing-masing.